

PERSAMAAN

TAKKANDI DUNIA.
MELAYA HILANG



Majalah terbitan PBMUKS
Edisi 3 AY 21/22

KATA-KATA PEMBUKA

Assalamualaikum Wr.Wb

Selamat datang ke Risalah! Alhamdulillah, kami kembali lagi dengan edisi ketiga selepas berkongsi tentang pelbagai topik yang merangkumi beberapa perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu kita akibat wabak COVID-19. Kami telah memperkenalkan kesungguhan dan kegigihan mereka dalam menangani cabaran dan bagaimana mereka telah mengubahsuaikan kehidupan mereka mengikut norma baharu. Kali ini, Risalah bermakna "Takkan Melayu Hilang di Dunia", yang bertujuan untuk melestarikan budaya Melayu kita.

Untuk edisi kali ini, kami telah menyediakan satu wadah bagi para penulis untuk mengupas topik-topik yang berkaitan dengan budaya dan masyarakat Melayu. Topik-topik yang akan dibincangkan termasuk pengalaman pelajar-pelajar NUS daripada pelbagai generasi, pengajaran yang dapat diraih daripada pakar seni terkenal, cadangan bagi aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh masyarakat Melayu di Singapura dan lain lagi. Dengan ini, kami berharap dapat membina semangat ke-Melayuan dan mendorong para pembaca untuk meraih kejayaan dan membangkitkan masyarakat Melayu kita.

Selaras dengan matlamat kami untuk melestarikan dan menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu, kami juga telah mengalu-alukan orang awam yang ingin menampilkan bakat mereka dalam penulisan dan seni lukisan. Kami berharap anda terhibur dengan karya-karya kreatif mereka dalam bentuk sajak. Selain itu, kami juga akan menampilkan cerpen-cerpen yang telah ditulis oleh para peserta Bisikan Pena 2022. Kami amat berbesar hati dan bangga melihat bakat-bakat anak Melayu muda kita dalam bidang kesusastraan!

Dengan itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang sudi menghantar karya mereka untuk edisi Risalah kali ini. Akhirnya, kami ingin memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa Risalah atas kerja keras mereka dalam menjayakan e-majalah ini. Selamat membaca kepada semua!



Jawatankuasa Risalah

Penyelaras Projek

Aniq Hilman

Pereka Bentuk & Ahli Publisiti

Nuryan Qistina

Muhammad Nurshaquille

Ahli Pemasaran & Admin

Aisyah Alias

Penulis

Nadiah Ramly

Alif Bukhari

Editor

Huwaida Mohd Faisal

Noor Kamilia

**Ikuti lelaman media sosial
PBMUKS!**



 www.pbmiks.org

 @pbmuks

 @pbmuks

 PBMUKS

Sebuah terbitan PBMUKS



Jawatankuasa

**Aniq Hilman
Bin Abdullah**

'Iceman' tidak hanya wujud dalam 'Top Gun' ataupun 'F1', namun ada di dalam AJK kami juga. Seorang yang berjurusan sistem informasi, saya juga gemar menggunakan komputer untuk bermain permainan video. Selain itu, dalam masa lapang, saya sering bersembang bersama rakan-rakan di mana sahaja, asalkan dengan secawan teh tarik!



**Nurul Aisyah Syahirah
Bte Mohamad Alias**

Matlamat saya pada tahun ini adalah untuk memperbaharui pasport saya (yang lama sudah saya tangguhkan) supaya dapat melancong ke KL dan menjamu selera sepuas-puasnya~ saya juga akan cuba mempelajari kemahiran yang baru Insyaallah!

**Muhammad Danial
Bin Jamil**

Salam semua! Nama saya Danial, tetapi kawan-kawan saya panggil saya Becky! Selain daripada seorang AJK PBMUKS, saya juga melibatkan diri dalam tarian melayu. Bukan itu sahaja, saya sangat minat dengan muzik melayu, terutamanya genre rap! saya juga suka meluangkan masa bersama rakan-rakan tersayangku <3



Nurdina Aliyah Bte Baharrudin

Seorang penagih kopi. Pergi saja ke Maxx Coffee kalau awak nak cari saya. Saya pasti ada.

Muhammad Bukhari Alif Bin Zulkaflee

Hello semua, awak boleh panggil saya Alif. Saya suka berlari di kawasan bandar, bermain go-kart di Malaysia dan simulator perlumbaan dan juga menulis sebuah blog tentang kewangan! Impian saya ialah untuk bersara sebelum saya mencapai 45 tahun supaya saya dapat mengebara dunia dengan keluarga saya.



Nur Farzana Binte Mohd Nasir

Ada yang menyatakan rumah saya seperti taman haiwan kerana saya memelihara bermacam-macam jenis haiwan peliharaan. Saya memelihara arnab, hamster, terrapin dan juga bermacam-macam jenis ikan. Apabila saya memiliki rumah sendiri pada masa hadapan, saya memang ingin membina “mini zoo” sendiri. Tentu menarik!

Dhia Nurqistina Bte Nursalihin Tohaputra

Haiii, satu fakta menarik tentang saya adalah saya tidak suka makan roti. Ini kerana dahulu, bagi sebuah eksperimen sains di sekolah rendah, saya disuruh mengunyah sekeping roti dan memuntahkannya kembali di dalam sebuah beg ziplock untuk belajar tentang sistem penghadaman.



Nuryan Qistina Binte Suhaimi

Kawan-kawan saya memanggil saya Qis, tapi awak boleh panggil saya watak utama yang dramatik, romantis dan suka meluahkan segala macam perasaan. Jadilah protagonis dalam cerita anda sendiri, tapi jangan lupa untuk sentiasa merendah diri dan ikhlas dalam perjalanan anda untuk menjadi versi terbaik diri anda!



Muhammad Nurshaquelle Bin Shazahri

Hai semua! Wow sudah hampir setahun kami terlibar sebagai ahli jawatankuasa PBMUKS ke-53! Saya sendiri tidak sedar bahawa sudah pun setahun. Dengan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang selalu menyokong PBMUKS dengan menyertai adhoc-adhoc dan juga acara-acara kami. Semoga kita berjumpa lagi di lain kesempatan!



Huwaida Binte Mohd Faisal

Hai saya Huwaida dan satu ayat kegemaran saya merupakan sepatah ayat dari al-Qur'an yang bermaksud, "Maka yang mana mana di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan" (55:13). Ayat ini mengingatkan saya supaya selalu bersyukur atas segala nikmat yang diberi oleh Tuhan, dan untuk bersabar apabila dalam kesusahan kerana disebalik kesusahan itu juga terletak nikmat dari Allah s.w.t.



Nadiah Binte Ramly

Satu fakta menarik tentang saya ialah saya gemar 'binge-watching'! Tidak kiralah Netflix atau Disney+, kegiatan ini dapat menghilangkan tekanan apabila saya ada terlalu banyak tugas sekolah atau kerja.

Saya mesti akan akan menonton sesuatu setiap hari hehe. Antara siri televisyen kegemaran saya ialah Modern Family dan Only Muder in the Building! Sekarang ini, saya sangat ghairah untuk menghabiskan musim terbaru 'The Umbrella Academy' pula!



Siti Farhana Bte Hamidi

Di dalam filem kegemaran saya, "The Godfather", ada sebuah frasa iaitu: "I'll make him an offer he can't refuse". Itulah yang saya rasa apabila diberikan mendapat tawaran untuk menjadi ahli jawatankuasa PBMUKS. Pelbagai kenangan indah dan manis telahpun saya dapat, dan pasti saya akan ingati! Sehingga berjumpa lagi~



Noor Kamilia Bte Junaidi

Satu fakta tentang diri saya ialah saya gemar wangi-wangian! Saya akan memastikan bilik saya sentiasa harum dengan mencuba produk-produk yang berbeza-beza seperti lilin pewangi, penyebar buluh, penyebar udara, palam bau dan sebagainya! Kawasan yang wangi membuatkan saya rasa gembira selalu~



Siti Ayuni Bte Alzahar

Nama saya Ayuni dan saya sangat gemar dengan pencuci mulut. Tidak kiralah waffles, bingsu atau pencuci mulut yang lain, asalkan manis! Saya percaya bahawa “the sweetest things in life is food~” :)



Norazirah Binte Mohd Amin

“Hidup mati NUS” katanya,

Mahasiswi tahun ketiga jurusan kejuruteraan awam dan haratanah ini telah banyak berjasa dalam pelbagai acara-acara NUS, termasuk menjadi ahli jawatankuasa PBMUKS dan seorang penduduk Kolej Kediaman Ridge View.



Nur Amira Bte Idris

‘nak normalise apa benda? benda ni bukan culture kau nak normalise normalise...’ Inilah pendapat saya tentang peralihan zoom universiti yang bakal kembali kepada kelas fizikal... penat ya nak ulang-alik ke sekolah dan ke rumah T^T! Tapi.. mesti best dapat berjumpa dengan kawan-kawan! HEHE



Nia Alisya Binte Maszlan

Hai semua, nama saya Alisya! Kata hikmah kegemaran saya ialah “He does not burden a soul beyond that it can bear” Ayat ini mengingatkan saya bahawa saya pasti akan dapat mengharungi apa jua keadaan sukar yang terpaksa saya lalui! Jadi, kepada sesiapa yang sedang melalui masa yang sukar pada masa ini, kuatkan diri, anda pasti boleh mengharunginya! Go go go!



Isi Kandungan

4	Kenali Jawatankuasa PBMUKS ke-53
II	Empat Pahlawan PBMUKS: #PARADIGMA5, ME{R}DU, Bisikan Pena, Pentas Budaya
16	Renung Kembali Ke Acara-Acara Gensec
24	Cintailah Bahasa Ibunda, Cintailah Budaya Pusaka
28	Melayu Yang Hidup Berisi
30	Dua Generasi Anak Melayu NUS: Sekolah yang sama, pengalaman yang berbeza
34	Ada Yang Kata
36	Wanita Dalam Bidang Teknologi
38	Cadangan Aktiviti Rekreasi
40	Akan Bahagiakah Aku Selamanya?
42	Rengsa

Empat Pahlawan PBMUKS:

#PARADIGMA5, ME{R}DU, Bisikan Pena, Pentas Budaya

Pelbagai acara menarik telah dikendalikan oleh keempat-empat Ad-Hoc PBMUKS tahun ini! Sepanjang Semester 2, ahli jawatankuasa PBMUKS telah membanting tulang untuk merancang aktiviti-aktiviti bagi Ad-Hoc mereka. Pelbagai cabaran baru telah diharungi oleh ahli jawatankuasa kami. Oleh kerana keadaan pandemik yang tidak menentu, ada yang terpaksa menghadapi peraturan COVID-19 yang lebih ketat, manakala ada juga yang dapat melaksanakan aktiviti mereka secara fizikal buat pertama kalinya setelah beberapa tahun!

Ayuh kita lihat hasil usaha mereka!

(cuba anda tekan logo-logo di bawah)



#PARADIGMA5

#PARADIGMA5 merupakan sebuah acara kemasyarakatan yang dikendalikan oleh Sekretariat Pendekatan Masyarakat. Tahun ini, acara ini telah berjaya meneruskan usaha untuk memperkasa para belia berisiko di CRC melalui pelbagai aktiviti yang seronok dan bermanfaat melalui tiga fasa, #AkuSedar, #AkuMampu dan #AkuAtasi.

Bagi fasa pertama, #AkuSedar, beberapa ahli jawatankuasa #PARADIGMA5 telah ke kompaun CRC untuk meluangkan masa dan melakukan aktiviti-aktiviti menarik bagi menjalinkan hubungan yang erat di antara ahli jawatankuasa dan para belia CRC. Fasa kedua ialah #AkuMampu, di mana ahli jawatankuasa telah bekerjasama dengan Star Horizon Learning dalam mengadakan sebuah bengkel kewangan yang bertujuan untuk mengajar para belia cara menguruskan kewangan mereka dengan baik, yang merupakan kemahiran yang sangat penting. #AkuAtasi pula merupakan fasa yang ketiga dan terakhir. Fasa ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para belia berbakti kepada masyarakat.



Selain itu, #PARADIGMA5 juga telah bekerjasama dengan pertubuhan Reforming Support Group (RSG) dalam sebuah kempen media sosial yang diberi tajuk "Paradigm Shift: Confronting The Stigma". Kempen tersebut yang berbentuk video telah dimuat naikkan di laman instagram PARADIGMA dan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan perubahan persepsi terhadap stigma dan stereotaip yang dihadapi oleh bekas banduan serta ahli keluarga mereka.

Sebuah usaha pengumpulan dana telah diadakan melalui penjualan produk-produk yang merupakan hasil penciptaan belia-belia ini sendiri dan mereka berjaya mengumpul dana sebanyak \$300 yang telah didermakan kepada PERTAPIS Centre for Women and Girls.



ME{R}DU merupakan sebuah acara pengendalian Sekretariat Penerbitan yang merangkumi bengkel muzik dan konsert tahunan. Ia bertujuan untuk menjadi wadah buat pemuzik muda mengasah bakat dan kebolehan mereka. Matlamat ME{R}DU ialah untuk meningkatkan penghargaan terhadap bahasa Melayu dan juga memperkayakan muzik Melayu tempatan. Melalui interaksi dengan pakar dan pemuzik mapan, mereka berharap para peserta dan mahasiswa-mahasiswi dalam ahli jawatankuasa ME{R}DU akan dilengkapkan dengan pemikiran kritis dan kreatif.



Tahun ini, ME{R}DU telah berkolaborasi bersama Art Fazil bagi Bengkel Penulisan Kata, Ahmadul Amin daripada Greendoor Studios bagi Sesi Rakaman Lagu, dan Qis Maraj bagi Bengkel Pemasaran mereka. Dengan bimbingan serta pengalaman mereka dalam industri muzik yang amat berharga, pasti para peserta lebih lengkap dengan ilmu dan semangat untuk menceburi bidang muzik.

ME{R}DU

ME{R}DU juga telah mendapatkan bekas pelajar NUS dan peserta Anugerah 2021, Afiq Atan untuk menjadi pengacara Konsert Finale yang dilancarkan pada 19 Mac 2022. Sejurus itu, mereka juga berjaya menjemput YHB Sleepsalot dan Fariz Jabbar dari Def Jam Recordings sebagai artis undangan untuk malam finale tersebut.





bispen '22

Untuk mencapai tujuan ini, Bisikan Pena mengadakan beberapa sesi bengkel yang dikendalikan oleh ahli pakar dalam bidang kesusasteraan Melayu dan sebuah pertandingan di mana para peserta diberi peluang untuk mempersembahkan karya mereka. Bagi pelajar-pelajar yang menyertai pertandingan cerpen, mereka berpeluang untuk mengambil bahagian dalam bengkel cerpen yang dikendalikan oleh Cikgu Djohan Abdul Rahman dan Cikgu Ishak Latiff.



Bisikan Pena merupakan acara yang memberikan fokus kepada kesusasteraan Bahasa Melayu seperti cerpen, puisi dan isu-isu semasa dalam masyarakat kita. Ia bertujuan untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu melalui cara yang kreatif dalam kalangan para pelajar dari peringkat sekolah menengah dan pos-menengah.

BISIKAN PENA



Bagi mereka yang bertungkus-lumus bersedia untuk sayembara puisi pula, kumpulan seni Kelana Pantun Temasek (KPT) telah menyediakan bengkel-bengkel penulisan dan penyampaian puisi. Melalui bengkel dan pertandingan ini, kami harap para peserta akan berasa lebih yakin untuk menghasilkan karya-karya Bahasa Melayu di masa hadapan yang mengandungi mesej dan tema yang bernilai.

PENTAS BUDAYA

Pentas Budaya adalah pementasan teater tahunan yang dianjurkan oleh PBMUKS. Ia merupakan wadah untuk membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat Melayu di Singapura. Melalui pementasan teater ini, para penonton diharapkan dapat mengasah kemampuan berfikir secara kritis tentang masyarakat dan institusi-institusinya. Justeru, Pentas Budaya juga dapat mendidik masyarakat umum tentang isu-isu yang dibentangkan dalam suasana yang menghiburkan.



Tambahan pula, tahun ini merupakan tahun yang ke-15 Pentas Budaya diadakan. Untuk meraikan pencapaian ini, Pentas Budaya telah berganding bahu dengan kumpulan CCA/seni NUS yang lain, seperti NUS Silat, NUS Dikir, dan NUS Ilsa Tari. Pementasan teater yang lain daripada yang lain ini telah meraih 370 orang penonton dan telah menambat hati para penontonnya!

Selain pementasan teater, bengkel lakonan juga telah dianjurkan oleh jawatankuasa Pentas Budaya. Ia terbuka kepada pelajar-pelajar NUS secara percuma. Jawatankuasa Pentas Budaya telah menjemput Encik Anwar Ramli untuk mengendalikan bengkel tersebut. Beliau sudah lama bergiat dalam industri teater dan telah menghasilkan beberapa pementasan yang telah memenangi pelbagai anugerah.



Renung kembali ke acara-acara gensec

Walaupun dijalankan dalam talian, kemeriahannya tetap dikekalkan sepanjang tahun akademik 21/22 dengan acara-acara gensec Sekretariat Am yang telah meninggalkan mahasiswa-mahasiswi kami dengan kenangan yang manis.

Dengan kepelbagaiannya acara yang telah disediakan dengan bersungguh-sungguh oleh jawatankuasa kami, kesemua aktiviti telah dijalankan dengan jayanya.

Ikutilah Risalah, dan marilah jejak semula acara gensec kami.



Kami mengimbas Kembali ke acara yang menggalakkan gabungan tenaga ke semua ahli jawatankuasa PBMUKS yang ke-53 buat julung-julung kalinya! 'Welcome Tea' ini bertujuan untuk mengenalkan acara-acara yang dianjurkan oleh PBMUKS bagi menjemput kedatangan mahasiswa tahun pertama NUS. Tahun ini, Welcome Tea telah diadakan secara talian di zoom. Namun begitu, kami tetap memeriahkan suasana acara ini dengan jalan cerita yang amat menarik.



Melalui watak Alisya, para penonton dapat meneroka dimensi mistika iaitu Istana PBMUKS! Alisya menghadapi pelbagai cabaran apabila terperangkap dalam Istana PBMUKS, di mana dia harus mengharungi teka-teki yang disampaikan oleh ahli jawatankuasa PBMUKS untuk berjaya keluar. Di samping itu, setiap sekretariat PBMUKS pun menjelaskan tentang acara teras yang diadakan sepanjang tahun. Tambahan pula, para penonton mendapat peluang untuk memenangi cabutan bertuah PBMUKS pada akhir segmen Welcome Tea!

AD HOC INDUCTION

Selepas dua tahun mengadakan program Hari Induksi bagi acara-acara teras kami secara talian, kami berasa sungguh teruja dan bersyukur dapat berjumpa dengan separuh daripada keempat-empat ahli jawatankuasa acara teras kami di YIH! Hari Induksi ini bertujuan untuk melengkapkan ahli publisiti, bendahari dan pemasaran dengan kemahiran teknikal bagi memanfaatkan hasil kerja mereka dalam acara-acara teras PBMUKS. Kami membuka tirai dengan beberapa permainan ‘ice breaker’ untuk memeriahkan suasana. Justeru itu, mereka dibimbing oleh ahli Penghubungan Awam dan Bendahari PBMUKS yang ke-53 di bengkel-bengkel yang sudah tersedia bagi mereka.

Ahli publisiti dapat mempelajari pelbagai jenis program yang boleh digunakan untuk menghasilkan pos-pos media sosial mereka. Manakala ahli pemasaran dan bendahari dapat memahami cara menyelesaikan tugas mereka yang melibatkan urusan kewangan.



AY 21/22
PBMUKS
AJK ke-53

eMpower

PBMUKS membuka tirai acara gensec bagi tahun 2022 dengan acara eMpower! Untuk edisi kali ini, eMpower dibahagikan kepada tiga sesi yang merangkumi topik-topik seperti pengurusan kewangan, peranan dan tanggungjawab sebagai seorang dewasa, dan juga cara mengawal perasaan gelisah dalam melayari alam dewasa. Acara ini bertujuan untuk memperkasa para mahasiswa Melayu/Islam di NUS untuk bersiap-sedia dalam menempuh alam pasca-universiti.

Bagi sesi pertama, ahli jawatankuasa eMpower telah mengundang Doktor Radiah Salim yang merupakan pengasas kelab HEAL, dan Ustazah Unaish Adam yang mempunyai ijazah sarjana dalam psikologi konseling. Mereka tidak lokek berkongsi ilmu pengetahuan mereka mengenai topik ini. Para peserta yang hadir pastinya telah meraih ilmu berguna melalui perkongsian para pakar yang hebat-hebat hal, termasuk cara mengimbangi tanggung jawab duniawi di kan agama dan bagaimana untuk mengawal perasaan dan menjaga mengharungi masa depan yang tidak tentu sedang kita melayari alam dewasa.


Seterusnya, bagi sesi kedua, ahli jawatankuasa telah menjemput Cik Nabilah Bagarib, seorang ahli terapi dan Ustaz Khairi Nazon untuk berkongsi ilmu mereka dan memberikan beberapa saran dan nasihat mengenai kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang individu dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk keluarga, pekerjaan dan perkembangan diri. Ini bagi mempersiapkan para peserta yang masih bergelar pelajar atau yang baru sahaja mula bekerja dan akan melayari alam dewasa dan memikul pelbagai tanggungjawab yang lebih berat pada masa hadapan.

Akhir sekali, sebagai penutup tirai bagi eMpower tahun ini, sesi ketiga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan para peserta tentang hal kewangan. Cik Audi Irfan Suradi, seorang pengurus kewangan di AIA Singapura, membincarkan tentang kepentingan perancangan kewangan untuk masa depan seseorang individu itu. Isu-isu yang dikupas termasuk pelaburan saham, menabung dan persiapan untuk bersara. Sesi yang diadakan secara hybrid ini juga memberi kesempatan bagi para peserta yang hadir secara fizikal untuk merancang kewangan mereka secara 'hands-on' bersama ahli-ahli kewangan AIA yang hadir untuk memberikan bimbingan kepada mereka.

Buat julung-julung kalinya, eMpower juga telah menghasilkan sebuah Toolkit yang mengandungi panduan bagi semua perkara yang melibatkan hal dewasa. Ini termasuk kandungan ketiga-tiga sesi yang telah dianjurkan, serta nasihat dan ilmu yang dikongsi oleh beberapa asatizah yang hebat-hebat belaka. Toolkit ini diharap dapat memberikan maklumat yang menyeluruh bagi para peserta eMpower tahun ini.

untuk
bagi sesi
yang baru dan
ini dalam pelbagai
samping mengutama-
kesejahteraan diri ketika





Pernahkah anda terfikir tentang kehidupan seharian seorang pelajar di NUS? Hah, 'Jom ke NUS!' (JKN) bertujuan untuk membawa semangat dan berkongsi pengalaman tentang kehidupan mahasiswa di NUS untuk bakal mahasiswa-mahasiswi kami.

Bagi edisi JKN kali ini, ahli jawatankuasa PBMUKS yang ke-53 telah merakam beberapa aspek kehidupan seharian seorang pelajar, seperti tempat-tempat makanan halal di NUS, acara-acara yang ditawarkan, tempat-tempat menarik di kampus dan banyak lagi! Dengan ini, anak-anak Melayu kami bolehlah menjelajah kampus NUS sambil mempelajari lebih tentang kehidupan di kampus. Semoga ini dapat mendorong mereka untuk menyepakat diri bersama keluarga NUS.



I F T A R A W I H

Sempena bulan Ramadhan, PBMUKS dan NUSMS telah mengambil kesempatan untuk mengadakan acara kebajikan yang lebih istimewa dan bermakna bagi edisi penggal kedua tahun akademik ini. Kami telah menganjurkan acara 'IFTARAWIH' yang menjemput para mahasiswa untuk berbuka puasa dan bersolat terawih bersama-sama di kampus.

IFTARAWIH bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara masyarakat Melayu/Muslim di NUS sambil menyambut bulan yang suci ini. Acara ini telah berjaya dijalankan atas usaha gigih ahli jawatankuasa PBMUKS dan NUSMS dalam perancangan dan perlaksanaan IFTARAWIH. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sudi menyertai acara ini dan berharap dapat bergabung lagi bersama NUSMS untuk menganjurkan acara sebegini pada tahun hadapan.

PEK KEBAJIKAN

Setiap akhir penggal, para mahasiswa NUS akan bertungkus-lumus untuk menyelesaikan dan menyediakan diri bagi peperiksaan akhir penggal mereka. Bagi memberi dorongan dan semangat kepada mereka yang sedang bekerja keras dalam musim peperiksaan ini, PBMUKS dan NUSMS bekerjasama sekali lagi untuk menjalankan acara pengagihan Pek Kebajikan khas untuk mahasiswa Melayu/Muslim di NUS. Untuk penggal pertama tahun akademik ini, pek-pekan yang mengandungi beberapa barang seperti alat tulis, makanan ringan, senarai doa serta baucer telah diagihkan kepada mahasiswa-mahasiswa melalui pos.

Bukan itu sahaja, pek-pekan ini juga diberikan kepada pekerja-pekerja Melayu/Muslim di NUS sebagai tanda penghargaan atas kerja keras mereka dalam menjalankan tugas mereka demi menjaga kebersihan dan kesejahteraan kampus NUS kami. Kami ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menyokong acara ini. Semoga kandungan Pek Kebajikan ini bermanfaat dan telah memberi anda dorongan serta semangat dalam menduduki peperiksaan dan menyelesaikan tugas sekolah. Jangan lupa untuk menyertai acara ini lagi pada tahun akademik depan!



Semenjak wabak covid melanda negara, kami terpaksa berjumpa di alam maya. Jadi, bila diumumkan bahawa sekatan covid akan dilonggarkan, PBMUKS tergesa untuk melancarkan acara Riuhs Raya secara fizikal buat julung-julung kalinya. Acara ini bertujuan untuk menyemaikan rasa kebanggaan terhadap budaya melayu kami sambil merayakan pesta raya secara beramai-ramai.

Peserta-peserta Riuhs Raya dapat menikmati makanan yang lazat daripada penaja-penaja kami sambil menonton persembahan-persembahan dari NUS Silat, NUS Ilsa Tari, Insy, salah satu peserta ME{R}DU 2022, dan Sio Lubis, artis undangan kami. Memang sudah tentu suasana di situ diiringi ketawa berdekah-dekah dan tepukan mesra.

Jauh di mata, namun dekat di hati. Kenangan manis yang dibawa pulang akan sentiasa diingati sepanjang masa. Walaupun hanya sekejap, Riuhs Raya dapat menimbulkan rasa semangat terhadap budaya kami. Sokongan peserta kami juga menyumbang kepada kejayaan acara ini. Keriaan malam itu memang membuat kami tidak sabar untuk acara raya tahun hadapan.

RIUHS RAYA

Beberapa peserta bertuah kami juga memenangi hadiah mewah dalam segmen cabutan tuah. Untuk menukap acara ini, apakah raya jika tiada bunga api? Rembulan yang menghiasi malam itu terus ditemani nyalaan bunga api yang berkelipan. Senyuman lebar dan tawa berseloroh mereka memang menyejukkan hati.



Forum Unisza

Pada bulan November lepas, pihak PBMUKS telah dijemput oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk menyertai program Delegasi Nusantara: Bicara Intelek Empat Penjuru. Acara ini ialah program kolaborasi antara 4 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Memandangkan bahawa program ini diadakan di peringkat antarabangsa, PBMUKS amat teruja untuk mewakili Singapura bagi program ini. Program ini merangkumi beberapa segmen, terutama sekali forum dan acara debat presiden. Beberapa ahli PBMUKS telah membincang tentang topik-topik yang amat mencabar bersama wakil-wakil nusantara yang lain seperti "Kelantangan Belia dalam Kebangkitan Asia", "Politik Dunia: Apa Kesan Kepada Negara ASEAN?", dan "Bicara Santai: Pandemik, apa Tindakan belia?".




Perbincangan yang menyusuli panel forum tersebut membuka mata kami, sebagai pelajar Singapura, kepada isu-isu yang dihadapi oleh belia yang menduduk di negara Nusantara lain. Kami bersyukur dapat menyertai program ini kerana dapat menimba ilmu yang mungkin tidak dapat kami memperolehi di sekolah. Bukan itu sahaja! Naib-Presiden Bahasa dan Budaya kami, Danial Jamil, pun telah mewakili PBMUKS dalam acara debat presiden. Beliau harus menentang peserta-peserta dari kelab "Shariah and Law Students Society UNISSA" dan "Law Debate Community, UINSA". Walaupun Danial tidak mempunyai latar belakang dalam acara debat, beliau berjaya menjadi naib johan. Tambahan pula, menurut seorang hakim di panel debat itu, margin perbezaan markah amat kecil. Justeru itu, kami ingin mengucapkan syabas kepada semua ahli jawatankuasa PBMUKS yang telah bertai program antarabangsa ini!

Cintailah Bahasa Ibunda, Cintailah Budaya Pusaka

ditulis Nadiah Binte Ramly

**Cintailah bahasa ibunda
Cintailah budaya pusaka
Bahasa menjunjung budaya
Budaya nilai maruah bangsa**



Lagu tema Bulan Bahasa yang digubah oleh Abdullah Lamat dan ditulis oleh Cikgu Muhammad Ariff Ahmad pada tahun 1998 masih lagi digemari oleh masyarakat Melayu sehingga telah diabadikan. Irama dan melodi lagu ini bukan sahaja seperti halwa telinga, tetapi juga mengandungi banyak petua dan kata-kata nasihat yang kita bolehjadikan sebagai iktibar.

Mengapakah penting untuk kita memperjuangkan Bahasa Ibunda kita? Memang tidak dapat dinafikan bahawa mempromosikan Bahasa Ibunda dapat memperkuuhkan identiti kita sebagai orang Melayu. Namun, bagaimanakah kita boleh mendorong lebih ramai dalam masyarakat kita, terutamanya generasi muda untuk turut mengambil bahagian dalam melestarikan bahasa?

Saya telah diberi peluang untuk menemu ramah dua individu yang telah banyak menyumbang kepada kemajuan dan kebangkitan Bahasa Melayu di Singapura. Mereka terlibat dalam pelbagai kegiatan seni Melayu seperti penulisan, persembahan teater, lakonan, dan muzik tradisional. Bukan itu sahaja, mereka juga mempunyai pengetahuan yang mendalam dan pengalaman yang bertahun-tahun dalam bidang seni Melayu. Senang kata, mereka bukanlah calang-calang orang! Individu-individu ini adalah Encik Djohan Abdul Rahman dan Tuan Afi Hanafi. Mari kita mengenali mereka!

Djohan Abdul Rahman

Djohan Abdul Rahman atau lebih dikenali sebagai nama gelarannya ‘Bobo’ atau ‘Djo Labu’ kini seorang guru Bahasa Melayu sepenuh masa. Namun, di luar naungan perguruan, beliau adalah seorang penulis terkenal dan telah menerbitkan beberapa buku seperti *Tika Aksara Menari* (2017) dan *Interlud* (2021) yang merupakan antologi cerpen. Selain cerpen, beliau juga telah menulis skrip bagi televisyen dan pantun bagi Radio Warna.

Mencontohi perintis-perintis bidang filem

Minat Encik Djohan dalam bahasa dan seni Melayu bermula sejak kecil lagi apabila beliau mula berlakon pada usia 4 tahun dalam sebuah program yang diterbitkan Radio Television Singapura (RTS). Dari situ lah beliau diperkenalkan kepada dunia seni dan filem. Pada usia yang muda lagi, beliau dapat memperhatikan cara tokoh-tokoh filem seperti arwah Shariff Medan, arwah Zulkassim Daud dan arwah S. Sahlan berlakon di hadapan kamera. Beliau begitu terkesan dengan minat mereka yang begitu mendalam dan tahap penghayatan mereka yang begitu tinggi dalam kerja mereka sehingga mendorong dirinya untuk mendalami bahasa dan seni Melayu juga.



Perjalanan dan perjuangan sebagai seorang penulis

Pendedahan Encik Djohan kepada dunia filem dan persembahan telah banyak mempengaruhi cara penulisannya. Beliau mula menulis secara aktif apabila mengambil bahagian dalam kumpulan Dikir Barat pada tahun 90an dan telah ditugaskan untuk menulis seni kata bagi persembahan mereka. Dikir Barat telah menjadi wadah untuk beliau meluahkan perasaan dan kreativitinya, dan membernaiknya mendalami minatnya dalam persembahan serta penulisan. Ini kerana Dikir Barat berkait rapat dengan pementasan teater. Kemudian, beliau mula menulis cerpen, esei, sajak dan pantun secara lebih kerap apabila masuk ke maktab perguruan (NIE) pada tahun 1998.

Encik Djohan masih ingat lagi kali pertama cerpennya diterbitkan di surat khabar. Terdapat beberapa orang yang telah menemu dengan beliau untuk memberitahunya bahawa mereka telah membaca cerpen tersebut. Menurut beliau, perasaan tersebut “tidak boleh dijual beli nilainya” dan inilah yang menggalakkan beliau untuk terus sambung menulis hingga ke hari ini; supaya dapat kongsi karyanya dengan lebih ramai orang.

Buat Encik Djohan, beliau menulis kerana pertama sekali ingin meluahkan apa yang terkesan kepada dirinya dan perasaan dalam hatinya. Dengan berkongsi perasaan dan pengalamannya melalui cerpen, mungkin ia juga boleh dirasakan oleh orang ramai yang mungkin tidak tahu mereka bukan bersendirian dalam menghadapi suasana yang begitu. Menurut beliau, apabila seorang penulis dapat memberi kesan kepada pembaca, inilah “merupakan tahap yang paling tinggi seorang penulis dapat capai”. Kedua, penulisan adalah suatu wadah untuk mengetengahkan isu-isu semasa dan memberi kesedaran terhadapnya dengan cara yang kreatif. Namun, tentunya, perjalanannya sebagai seorang penulis bukan selalunya mudah. Ada kalanya beliau akan mendapat kritikan daripada pembaca. Akan tetapi, ini tidak pernah membuatkannya tawar hati kerana sebagai penulis, beliau harus mempunyai minda yang terbuka.

“Tulis. Tulis. Tulis. Tulis. Dan Tulis.”

Inilah kata nasihat yang diberikan oleh penulis kegemaran Encik Djohan, arwah Azizi Haji Abdullah, apabila berjumpa dengannya. Nasihat ini masih lagi diingati oleh beliau, dan sesuatu yang beliau sendiri sarankan kepada sesiapa yang ingin meneroka dalam bidang penulisan sebagai suatu kerjaya. Tidak kira cerpen, pantun atau esei, yang penting adalah untuk sentiasa tulis. Kini, beliau juga mengendalikan bengkel-bengkel cerpen buat murid-murid sekolah. Menurut Encik Djohan, berkongsi teknik dan minat penulisan adalah antara usaha untuk melestarikan minat penulisan dalam anak-anak muda hari ini. Semoga nasihat Encik Djohan akan membawa semangat anak-anak muda hari ini untuk mendalami dan menghayati Bahasa Ibunda kami yang begitu indah.



Penulis Skrip
DJO LABU

Afi Hanafi

Hanafi Idrus, atau lebih dikenali dengan nama pentasnya Afi Hanafi sejak 20 tahun yang lalu merupakan seorang aktivis dan penggiat seni dan budaya. Dalam tempoh masa beliau bergiat dalam bidang seni dan budaya, beliau telah meneroka pelbagai jenis seni seperti menari, berlakon, bernyanyi, mengajar dan mengarah. Bukan itu sahaja, belia juga telah menujuhkan beberapa kumpulan seni seperti Orkestra Sri Temasek, Syairpura dan Permaisuara. Kini, beliau sibuk dengan jawatannya sebagai pengurus di Kelab-

Masyarakat
Tampines
West.



Filem-filem klasik serta dorongan Ibu sebagai pencetus cinta terhadap Bahasa Melayu

Filem-filem klasik seperti Raja Bersiong telah membuatkannya jatuh cinta dengan keindahan Bahasa Melayu. Beliau begitu tertarik dengan penggunaan bahasa bangsawan yang begitu indah dalam filem-filem tersebut. Tokoh-tokoh filem seperti Shariff Medan menjadi teladan buat Encik Hanafi kerana cara mereka menyampaikan bahasa Melayu dengan penuh kejiwaan telah mengerakkan hatinya untuk mendalami bahasa Melayu dengan lebih teliti.

Perjalanan Encik Hanafi sebagai seorang penyanyi pula bermula dengan dorongan ibunya untuk menyertai sebuah pertandingan nyanyian yang dianjurkan oleh Radio Warna. Menurut beliau, pengalaman itu telah membina keberanianya untuk menyanyi. Seterusnya, beliau mula membuat persembahan di depan khalayak ramai pada umur 12 tahun melalui Block Parties yang diadakan oleh Residents' Committees (RCs). Pada waktu itu, Encik Hanafi sering diundang oleh RCs untuk menyanyi di Block Parties dan ada kalanya akan bernyanyi di hadapan khalayak ramai - seramai beberapa ratus orang. Kenangan ini tentunya sangat istimewa bagi

Encik Hanafi kerana beliau tersenyum dan terhibur sambil mengenangkan kisah-kisah waktu kecilnya.

Encik Hanafi mula menulis setelah melihat ibunya menghantar karyanya ke surat khabar. Menurut beliau, menulis merupakan sebuah wadah untuk meluaskan perasaan dan isi hatinya dan seperti kenderaan yang membolehkannya meneruskan kehidupan.



Orkestra Sri Temasek, Syairpura & Permaisura

Sebagai usaha untuk terus perkembangan bahasa dan seni Melayu di Singapura, Encik Hanafi telah menubuhkan beberapa kumpulan seni, iaitu Orkestra Sri Temasek, Syairpura dan Permaisuara. Walaupun berbeza dan mempunyai fokus yang berlainan, ketiga-tiga kumpulan seni ini memainkan peranan yang penting untuk menjadi suatu wadah bagi penyanyi-penanyyi tempatan untuk menguji bakat, berkongsi ilmu dan menambah lagi pengalaman dan pengetahuan dalam seni Melayu. Sebagai contoh, Orkestra Sri Temasek, sebuah kumpulan Orkestra Melayu yang ditubuhkan oleh Encik Hanafi dan rakannya Megat Firdaus pada tahun 2011 telah banyak menggabungkan irama tradisional Melayu dan lagu-lagu moden/Barat.

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul

Buat Encik Hanafi, beliau menganggap kerjanya bukan sahaja sebagai suatu wadah untuk mendapatkan mawatawang dan pangkat, namun ia adalah suatu tanggungjawab yang penting. Perkembangan serta pelestarian bahasa dan seni Melayu di Singapura merupakan objektif serta tujuannya untuk terus bekerja keras setiap hari supaya ia akan terus kekal. Bukan itu sahaja, beliau berharap agar dapat mendorong generasi muda untuk lebih yakin menunjukkan "kemelayuan" mereka dan untuk bergiat dengan lebih aktif dalam kepimpinan budaya (Cultural leadership). Oleh itu, beliau sering mengajar di sekolah-sekolah dalam Program EMAS, suatu program yang menggalakkan pelajar-pelajar untuk belajar bahasa Melayu dengan lebih mendalam.

Walaubagaimanapun, perjalanan Encik Hanafi sebagai penggiat seni dan budaya bukan sentiasa senang. Ada juga kalanya Encik Hanafi menghadapi tantangan daripada ramai orang. Tentunya, pekerjaan dalam bidang seni dan budaya bukan sesuatu yang konvensional, oleh itu ramai masih kurang faham nilainya kerana menganggap bidang tersebut sebagai suatu cabang yang tidak boleh menanggung sara hidup, terutamanya di Singapura. Dalam situasi seperti ini, Encik Hanafi cuba untuk mengubah fikiran mereka tentang seni dan budaya supaya mereka akan rasa bangga dengan pencapainnya.

Penutup

Dengan mengetahui lebih tentang perjalanan, pengalaman dan kepahtian yang dialami oleh tokoh-tokoh warisan kita, saya harap ini boleh memberikan kita lebih semangat untuk menggunakan serta memperjuangkan Bahasa Ibunda kita. Sebagai generasi muda, kita harus sambung kerja keras tokoh-tokoh warisan kita supaya Bahasa Ibunda kita terus kekal abadi.



Melayu yang hidup berisi

Amirul Hakim, Universiti Malaya

Simbiosiskan jati dan diri
simpulkan adat dan nadi
lempangkan warisan pada sulbi
denyutkan ihsan dalam hati

Simbiosiskan tanjak dan jemala
terletak tinggi diri dan maruah
melilit kepala berakal budi jua
bukan megah mendabik dada
membumi meski bijaksana

Simpulkan samping pada pinggang
agar rapi ikatan hormat
tak terlerai tergadai aurat
terpelihara nafsu syahwat
tapak berjalan kekal legat

Lempangkan keris yang tajam
berhadaf suci dalam menikam
berkeluk madani perjuangan
demi bentala yang tenteram
demi Melayu yang tak terancam

Denyutkan sari kitab suci
kekal termateri hidup insani
batin ampuh kala terisi



2 Generasi Anak Melayu NUS:

Sekolah yang sama, pengalaman yang berbeza

Pelajar NUS dahulu dan kini – Ada beza ke?

Setiap pelajar, tidak kira dahulu dan kini, pasti ada pengalaman yang berbeza-beza sewaktu zaman sekolah mereka. Ada yang memenuhi masa mereka dengan pelbagai aktiviti dan acara sekolah, manakala ada juga yang menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap tugas sekolah. Ada juga yang perlu memikul tanggungjawab yang lain dan belajar untuk mengimbangkan masa mereka dengan sebaiknya.

Kami menemu duga Azirah dan Khairul, sepasang sepupu yang merupakan pelajar dan alumni NUS. Walaupun bersaudara, pengalaman sekolah mereka jauh berbeza. Perbualan kami membenarkan mereka mengimbas kembali pengalaman mereka di sekolah serta berkongsi sedikit sebanyak pengajaran yang telah mereka raih.

Pengenalan

Nama: Khairul Abdullah

Jurusan: Hartanah

Pelajar NUS dari: 2006-2010

Pekerjaan: Sektor pelaburan

“Kerjaya ini telah membolehkan saya bekerja di pelbagai negara termasuk Eropah, Amerika Syarikat, Timur Tengah, Australia, Cina dan Bahrain. Saya sangat bersyukur dan berbesar hati kerana diberi peluang untuk menjelajah dunia sambil bekerja.”

Khairul sekarang berada di Abu Dhabi dan sedang memegang jawatan sebagai pengarah kewangan korporat di syarikat hartanah Abu Dhabi yang terbesar iaitu Aldar.

Latar belakang keluarga: Sudah berkahwin. Isterinya seorang suri rumah dan mereka mempunyai tiga orang anak yang berumur lapan, tujuh dan empat tahun.

Nama: Norazirah

Jurusan: Kejuruteraan Awam dan jurusan kedua dalam bidang Hartanah (pilihan yang dipengaruhi dan disokong oleh abang sepupunya, Khairul!)

Pelajar NUS dari: 2020-2024

Pekerjaan: Mahasiswi NUS



Khairul Abdullah



Norazirah Binte Mohd Amin

Generasi COVID-19...

Kami sempat berbual tentang tempat-tempat di kampus NUS, apa yang masih ada dan apa yang sudah pun berubah. Ternyata, banyak sekali perubahan yang telah berlaku dalam tempoh masa sedekad ini.

“McDonalds dekat engineering ada lagi tak”

“Tak, sekarang ada canteen baru, nama dia TechnoEdge”

“Abang Khairul tahu tak sekarang ada cafe baru di sebelah CLB”

Selain infrastruktur dan tempat-tempat yang sudah berubah, pengalaman sekolah Azirah dan Khairul begitu berbeza sekali oleh kerana situasi yang tidak dijangkakan yang harus dilalui Azirah dan para pelajar seluruh dunia beberapa tahun lepas iaitu pandemik COVID-19. Tahun pertama Azirah di NUS merupakan tahun 2020, ketika pandemik ini berada di kemuncaknya. Dia terpaksa melalui beberapa semester dalam talian dan tidak dapat menjelaskan kaki ke kampus. Ini bermaksud dia tidak dapat meluangkan masa di kantin, menghadiri kelas di teater kuliah dan berinteraksi secara dekat dengan rakan-rakan serta profesor yang mengajarnya. Pengalaman ini semua membuat Azirah berasa terkilan akan “the lost times and experiences” dek pandemik ini.

Berbeza sekali pengalaman Khairul yang dapat meluangkan masa di sekolah, menghadiri setiap kuliah dan tutorial di kampus sekolah. Oleh kerana dia dapat ke sekolah dan berinteraksi secara bersemuka dengan para guru dan kawan-kawan, dia juga berpeluang untuk menjalankan hubungan yang rapat bersama guru-gurunya seperti Profesor Ong Seow Eng. Menurutnya Profesor Ong merupakan seorang guru yang telah banyak membantu dan memberikan kepercayaan dan sokongan bagi dirinya. Walaupun dia merupakan seorang pelajar yang menurutnya, “banyak main-main” dan sering mendapat keputusan gred C bagi tahun pertama dan keduanya, Profesor Ong tidak pernah berputus asa dalam membantunya sehingga dia dapat lulus dengan cemerlang, bahkan mendapat salah satu gred tertinggi bagi tesis tahun akhirnya. Sehingga hari ini, dia cuba untuk membala jasa Profesor yang sangat disanjungi itu dengan menerima pelawaan untuk menjadi pensyarah jemputan atau memberi tawaran kepada para pelajar “intern” di tempat kerjanya. Khairul menambah, orang-orang di sekelilingnya seperti profesornya merupakan sebab utama zaman sekolahnya sangat bermakna. Menurut beliau, “Orang-orang di sekeliling anda yang akan membantu anda mencapai suatu kejayaan itu. No one gets there on their own.”

Walaupun pengalaman sekolah mereka berbeza-beza, Azirah dan Khairul jelas bersepakat dalam kepentingan yang mereka tunjukkan dalam aspek akademik. Mereka berkongsi tentang betapa seriusnya mereka dalam hal akademik. Pasti anda yang baca ni pun bersetuju bahawa prestasi akademik, CAP dan gred memang jelas tak asing lagi dan menjadi kepentingan utama bagi kesemua pelajar NUS, tidak kira generasi yang mana pun!



Majlis Tamat Pengajian Khairul, 2010

Sokongan keluarga menjadi dorongan yang utuh

**Daun pandan Wangi baunya,
Boleh dibuat bunga rampai
Tolong menolong sesama keluarga,
Agar kejayaan bersama tercapai.**

Khairul menceritakan tentang kepercayaannya akan betapa pentingnya bagi mahasiswa dan mahasiswi memanfaatkan masa di universiti dengan sepenuhnya kerana beliau sendiri tidak diberi kemewahan dan kesenangan yang demikian. Menurut Khairul, dia datang dari keluarga yang kurang bernasib baik dan terpaksa bekerja sambilan sambil belajar. Oleh itu, dia terlepas peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di NUS. Kampus NUS baginya, merupakan tempat untuk ke kuliah dan tutorial sahaja.

Oleh itu, dia sering menggalakkan Azirah untuk menyertai pelbagai aktiviti dan memastikan dia memanfaatkan masanya di NUS dengan sepenuhnya. Azirah pula menceritakan tentang perasaan berterima kasihnya terhadap sepupunya yang telah banyak memberikan sokongan yang tidak putus dalam bentuk nasihat dan juga bantuan kewangan yang membolehkannya menceburi minat dan pelbagai jenis pengalaman selama 2 tahun ini di NUS. Oleh kerana dorongan dan bantuan yang diterima, Azirah dapat melibatkan diri dalam pelbagai pengalaman yang menarik sewaktu di NUS, seperti tinggal di kediaman kolej, menjadi ahli jawatankuasa Persatuan Bahasa Melayu NUS dan meghadiri sekolah musim panas baru-baru ini di United Kingdom (UK).

Enak lauk dikunyah-kunyah, enak kata diulang-ulang

Akhir sekali, kami meminta Khairul dan Azirah berkongsi sedikit sebanyak pengajaran yang telah mereka raih untuk dikongsi dengan para pelajar NUS. Inilah yang dikata mereka...

Khairul: "Masa di universiti sangat berharga kerana sebaik sahaja ia tamat, kita perlu menghadapi cabaran-cabaran alam pekerjaan pula, yang jauh berbeza dan lebih sukar dari cabaran sekolah. Sifat-sifat seperti ketabahan, disiplin dan kemahiran berbual dan bekerjasama dengan orang lain sangat penting bagi seseorang individu itu agar mereka dapat berjaya dan maju dalam dunia pekerjaan. Ini semua dapat dipelajari dan diperbaiki semasa di universiti dengan mendedahkan diri kepada pelbagai aktiviti-aktiviti sekolah dan juga di luar sekolah."

Selain itu, Khairul juga telah berpesan agar pelajar memanfaatkan peluang yang disediakan oleh NUS dengan sepenuhnya, seperti menjaga hubungan yang rapat bersama alumni NUS yang mampu memberi nasihat yang tidak dapat dalam buku teks, supaya para mahasiswa dapat berjaya dalam kerjaya masing-masing pada masa hadapan. Akhir sekali, Khairul juga menasihati agar sentiasa melakukan persediaan untuk masa hadapan tetapi tidak pula lupa untuk "enjoy the process".

Azirah: "Saya setuju dengan kata-kata Abang Khairul, iaitu penting bagi seseorang itu mencari sesuatu bidang kemahiran yang mampu menjadi kerjaya pada masa hadapan. Walaubagaimanapun, saya juga berpendapat bahawa memang tidak senang bagi seorang pelajar untuk terus mengetahui apa yang ingin dijadikan kerjaya. Dalam dunia masa kini yang tidak menentu, penuh dengan pancaroba dan sentiasa berubah, kadang-kala bidang kemahiran seseorang itu tidak berguna lagi dan kita terpaksa melakukan perkara yang lain untuk berjaya."

Oleh itu, nasihat Azirah ialah agar kita tidak terlalu mendesak diri sendiri dan sentiasa mengambil masa yang secukupnya untuk fikirkan tentang masa hadapan. Kita tidak perlu tergesa-gesa untuk menentukan arah hidup kita.



Azirah di UK bagi Summer Exchange Programme (SEP), 2022

Generasi lama atau baru: Semuanya berperanan tau!

Anak-anak Melayu NUS seperti Azirah dan Khairul merupakan bukti kebolehan masyarakat Melayu untuk menceburi minat dan mengembangkan kebolehan mereka di mana sahaja, sama ada di sekolah atau di alam pekerjaan. Selagi adanya pelajar Melayu yang dapat menggunakan ilmu pengetahuan yang mereka raih untuk berbakti kepada masyarakat dan menjadi sumber inspirasi kepada para pelajar Melayu yang lain, maka kita dapat terus mengembangkan potensi anak Melayu kita. Begitu jelas sekali peranan ini dimainkan oleh Khairul, yang menjadi sumber dorongan, dan inspirasi kepada adik sepupunya, Azirah. Bagi Azirah pula, beliau berazam untuk membantu pelajar-pelajar lain di masa hadapan sebagaimana dia telah menerima sokongan dan bantuan daripada keluarganya selama ini.

Bagi kita semua juga, sebagai anak Melayu yang masih dalam perjalanan menimba ilmu atau sudah pun melangkah ke alam pekerjaan, semoga kita bersemangat untuk berbakti kepada keluarga, masyarakat dan bangsa. Barulah kita dapat terus melihat generasi-generasi baru anak Melayu NUS pada masa hadapan yang dapat mempertahankan kebolehan Melayu. Takkam anak Melayu NUS Hilang di Singapura! Takkam Melayu Hilang di Dunia!



Ada Yang Kata

Raditya Secondatama

Ada yang kata

“Takkan Melayu hilang dunia”

Lalu aku melihat kiri dan kanan

Melayu jadi badut tontonan

Melayu jadi bidak catur permainan

Menjual diri untuk isi perut kekosongan

Mengabaikan saudara atas nama keadilan

Ada yang kata

“Takkan Melayu hilang dunia”

Lalu aku melihat kiri dan kanan

Melayu diam melihat ketidakadilan

Melayu menutup mata mendengar jeritan

Hanya patuh seperti anjing kepada Tuan

Kerangka kepala diisi cuan, cuan dan cuan

Ada yang kata

“Takkan Melayu hilang dunia”

Lalu aku melihat atas dan bawah

Melayu hidup terjungkal susah

Melayu hidup meski tersungkur tanah

Hidup tanpa ambisi diisi rasa pasrah

Hidup tidak menentu tanpa arah

Ada yang kata

“Takkan Melayu hilang dunia”

Lalu aku melihat atas dan bawah

Melayu hidup tergopoh-gapah

Melayu hidup bersusah-payah

Kerja pagi hingga malam tak kenal lelah

Hidup tak menentu berpindah-pindah

Ada yang kata

“Takkan Melayu hilang dunia”

Lalu aku melihat depan dan belakang

Melayu hidup di balik bayang-bayang

Akan kejayaan dan kesaktian nenek moyang

Bicara masa lampau layaknya masa sekarang

Ada yang kata

“Takkan Melayu hilang dunia”

Lalu aku melihat depan dan belakang

Melayu sudah lupa akan kulit kacang

Cakap Melayu seperti seekor binatang

Nilai Melayu dirasa ketinggalan dan usang

Benar katanya
“Takkan Melayu hilang dunia”
Namun Melayu hidup dengan sengsara
Orang Melayu memang masih ada
Namun bukan lagi Melayu dahulu kala

Benar katanya
“Takkan Melayu hilang dunia”
Namun orang Melayu bukan lagi wira
Mereka sekarang adalah belatung negara
Menjadi beban bagi kewangan negara

Benar katanya
“Takkan Melayu hilang dunia”
Namun budaya dan bahasa Melayu sudah tiada
Mengecil menjadi molekul di udara Nusantara
Menjadi benda dihiraukan keberadaanya

Wanita Dalam Bidang Teknologi

ditulis Muhammad Bukhari Alif

Apakah itu coding?

Koding adalah proses mengubah idea, penyelesaian dan arahan ke dalam bahasa yang boleh difahami oleh komputer. Satu-satunya bahasa yang komputer boleh memproses atau melaksanakan dipanggil bahasa mesin. Tanpa coding, aplikasi-aplikasi seperti Facebook, Instagram, Whatsapp, Telegram dan laman web seperti Google dan perniagaan online takkan wujud. Jika anda mahu mereka sebuah idea yang baharu, mencari pekerjaan yang berflexibel atau memperbaiki perniagaan online anda, koding adalah satu-satu caranya untuk mencapai tujuan ini.

Industri teknologi sedang berkembang pesat. Lebih banyak pemerintah seluruh dunia, seperti di Singapura, yang memberi penekanan terhadap pendigitalan untuk ekonomi masa depan. Oleh itu, permintaan untuk bakat teknologi digital semakin tinggi berbanding sebelum ini. Namun, meskipun pemerintah Singapura telah melaporkan peningkatan 4.8% dalam sektor teknologi pada tahun 2020, graduan ICT wanita telah menurun daripada 36 peratus pada tahun 2010 kepada 34 peratus pada tahun 2020. Justeru, kita perlukan lebih ramai wanita dalam bidang teknologi, terutamanya wanita Muslim. Artikel ini justeru akan memperkenalkan anda kepada salah satu cara bagi kaum Muslimah kita menceburi bidang teknologi iaitu melalui The Codette Project!

The Codette Project

The Codette Project diasaskan oleh Puan Nurul Jihadah Hussain pada Desember 2015 dengan tujuan untuk membina dan menyokong minat wanita Muslimah dalam teknologi serta mendedahkan mereka kepada peluang-peluang pekerjaan dalam sektor teknologi dan berkenal suai dengan ahli-ahli teknologi. The Codette Project telah menarik lebih daripada 800 Muslimah untuk menghadiri acara, bengkel, hackathon dan kelas koding mereka.

Salah satu inisiatif The Codette Project bernama "Codette Cares" merupakan sebuah program bimbingan atau "mentorship" bagi pelajar universiti, pelajar sambilan atau sesiapa pun yang ingin menceburi dan membina kerjaya dalam bidang teknologi. Mereka akan diberi sebuah geran bernilai \$1500 dan akan dibimbing oleh mentor para wanita-wanita yang sangat berkemahiran dan yang mempunyai kerjaya dalam bidang teknologi. Mereka ialah sukarelawan yang bekerja di firma teknologi seperti Stripe, Facebook dan Zendesk. Dua puluh tiga wanita telah meraih manfaat dalam dua pusingan pertama "Codette Cares", kebanyakannya mereka yang mempelajari sains komputer, analisis data, antara muka pengguna dan reka bentuk pengalaman serta keselamatan siber. Oleh kerana kempen ini sangat popular, pusingan ketiga Codette Cares telah dilancarkan oleh Presiden Halimah Yacob pada 12 Mac 2022.

Pendaftaran akan dibuka dari Jun 2022 hingga Mac 2023 dan boleh ditempah melalui laman web The Codette Project!



Bagi wanita Muslimah yang mahu tahu sedikit sahaja tentang teknologi, The Codette Project juga menganjurkan kelas dan bengkel dalam pengekodan asas, analisis data dan pengurusan media sosial.



Mentor The Codette Project

Syasya Azman ialah seorang pelajar komputing tahun ketiga di NUS yang telah menyertai 'The Codette Project'. Menurut Syasya, beliau mendapat tahu tentang 'The Codette Project' melalui media sosial. Syasya telah dilantik untuk menjadi salah seorang mentee The Codette Project. Beliau telah dibimbing oleh seorang mentor yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ini. Bagi Muslimah yang mahu menceburi bidang teknologi dan ingin tahu lebih tentang The Codette Project, jom kita tonton video ini!

Koding membuka pintu anda kepada banyak peluang seperti pekerjaan, merealisasikan idea anda dan mempermudahkan pekerjaan ataupun kehidupan anda. Jika anda mempunyai minat ataupun keinginan untuk membina kemahiran yang baru, marilah mencuba koding!

Lelaman web: <https://www.thecodetteproject.com>

LinkedIn: <https://www.linkedin.com/company/the-codette-project/>

Instagram: <https://www.instagram.com/thecodetteproject/>

**Temuramah
bersama Syasya!**

Cadangan Aktiviti Rekreasi

Sedang kita beralih daripada situasi pandemik kepada endemik, semakin banyak aktiviti yang boleh kita lakukan di Singapura. Dari menghadiri konsert, mengunjungi tempat-tempat membeli-belah hingga ke menjamu selera bersama orang yang tersayang, kita semua pasti rindu melakukan aktiviti-aktiviti sebegini!

Bagi yang ingin lepak bersama keluarga dan kawan-kawan, kami ingin memberikan beberapa saranan bagi aktiviti-aktiviti yang boleh anda lakukan. Cuba, jangan tak cuba tau!

Sanisah Huri The Lady In The Concert

Sesiapa yang minat lagu klasik Melayu mesti tahu Sanisah Huri. Beliau merupakan seorang ikon hiburan yang terkenal di Singapura. Sanisah telah membina reputasinya sebagai bintang remaja yang berjaya muncul sebagai penyanyi berkemahiran teknikal dan artis rakaman yang berjaya. Dia dianggap sebagai salah seorang vokalis terkenal di rantau Asia Tenggara dalam muzik pop.

Sanisah Huri akan mengadakan persembahan pertamanya di Esplanade dan akan menyanyikan 18 lagu paling popularnya. Lagu-lagu ini menggabungkan pelbagai genre termasuk joget, pop, kercong, asli dan moden.

Locasi: Esplanade Concert Hall
Harga: Daripada \$28
Jadual: 23 July 2022
<https://www.esplanade.com/festivals-and-series/pen-tas/2022/sanisah-huri-the-lady-in-concert>



Berak

Jika anda minat seni teater, sebuah tayangan teater bernama "Berak" menceritakan perjalanan sebuah keluarga yang sedang berhadapan dengan kematian. Seorang ayah yang mahu mengambil nyawanya, kakak yang asyik bertanya-tanya dan ibu yang tidak berhenti tertawa. Pelakon-pelakon bagi tayangan ini termasuk Siti Khalijah Zainal, Fir Rahman, Siti Hajar Abdul Gani dan Aidil 'Alin' Mosbit. Dengan askpek renungan lucu tentang keluarga, cinta dan kesedihan, 'Berak' pasti sebuah cerita yang anda akan gemar.

Locasi: Esplanade Teater Studio
Harga: \$38
Jadual: 1 - 4 September 2022
<https://www.esplanade.com/festivals-and-series/the-studios/2022/berak>

Bulan Bahasa

Bagi sesiapa yang ingin tahu lebih lanjut tentang bahasa Melayu kita boleh serta Bulan Bahasa. Program ini dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari! Program ini akan berlangsung dari tanggal 13 Ogos 2022 hingga 9 Oktober 2022. Tema Bulan Bahasa bagi tahun ini ialah 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.' yang mencerminkan kedinamikan Bahasa Melayu sedang kita menuju ke era yang baru.

'Cita' merangkumi aspirasi masyarakat untuk mengekalkan kerelevan Bahasa Melayu. 'Citra' menggariskan kepelbagaiannya dalam penggunaan dan penyesuaian bahasa yang menjadi wadah pengetahuan dan wahana komunikasi. 'Cinta' menekankan keperluan untuk memupuk rasa cinta dan penghargaan terhadap Bahasa Melayu.

Beberapa aktiviti yang dirancang pada tahun 2022 termasuk bengkel wayang kulit kontemporari dan pertandingan tarian di mana peserta dicabar untuk menonjolkan keindahan Bahasa Melayu melalui tarian Melayu. Sebuah bengkel yang diberi nama Pentas Radio juga bertujuan untuk memberikan pengalaman eksklusif bagi mereka yang berminat untuk melihat di sebalik tabir drama radio, sekaligus memberikan peluang kepada peserta untuk mempelajari cara melaksanakan dan mempersesembahkannya. Aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan untuk tahun 2022 masih dalam perkembangan. Ikuti dan layari laman Bulan Bahasa melalui Instagram atau Facebook untuk maklumat terkini!

Lokasi: TBC

Harga: Percuma

Jadual: 13 Ogos - 9 Oktober 2022

Laman web: <https://www.languagecouncils.sg/mbms/en/bulan-bahasa/bulan-bahasa>

Instagram: <https://www.instagram.com/bulanbahasa/?hl=en>



Mutiara Tari 2022


Jika anda berminat dengan tarian melayu, Wisma Geylang Serai akan mengadakan pertandingan tarian melayu tradisional Mutiara Tari 2022. Pertandingan ini membentangkan peluang untuk remaja-remaja Singapura mengetahui lebih tentang tarian tradisional melayu. Jika anda rindu atau teringin melihat persembahan tarian melayu, inilah masanya untuk meluangkan masa bersama rakan atau keluarga anda sambil menyokong sebuah pertandingan tarian Melayu.

Locasi: Wisma Geylang Serai

Harga: Percuma

Jadual: 17 September 2022

Laman web: <https://www.facebook.com/WismaGeylangSerai/photos/a.225845344134753/5334469826605587/>



Wah... Banyak sekali aktiviti-aktiviti yang boleh anda lakukan bersama keluarga dan kawan-kawan anda! Jangan lepaskan peluang ini dan segera membuat tempahan bagi acara-acara yang disenaraikan di atas! Ayuh!

Akan Bahagiakah Aku Selamanya?

Drea Neryssa Binte Dadang Suandi

Sekolah Menengah St. Anthony Cannossian

Juara bagi Pertandingan Penulisan Cerpen Kategori 'A', Bisikan Pena 2022

Malang tidak berbau, kita tidak dapat menentukan masa hadapan kita. Ada kalanya hidup kita senang, dan ada kalanya susah. Salahkah kita sediakan payung sebelum hujan? Akankah kita tenggelam dalam kegelapan?

Engkau meninggalkan aku tanpa mengetahui betapa sakitnya hatiku. Pada tarikh ini, 28 Februari, sudah satu tahun engkau pergi. Aku teringin untuk berjumpa denganmu. Sayangku padamu tiada batasnya. Tidak kusangka engkau akan meninggalkan diriku begini. *Right person wrong time I guess...*

Aroma di kafé itu adalah seperti aroma vanilla yang harum. Pada petang itu, aku dan kawan aku, CJ bertemu kerana kami sudah lebih dua tahun tidak berjumpa kerana kami masing-masing sibuk dengan pekerjaan sendiri. Aku dan CJ berbual berjam-jam untuk melepaskan rindu. Beberapa minit kemudian, aku mengambil telefon untuk menunjuk CJ gambar semasa aku bercuti di Venice pada tahun lepas. Tiba-tiba, CJ ternampak album gambar-gambarku bersama kekasih lama aku. Muhd Aqil.

“Sudah-sudahlah tu dengan Aqil. Engkau *move on* lah Dee sudah dua tahun pun.” Suara CJ berbunyi di belakangku. CJ ingat tentang Aqil? Aku tidak menyangka bahawa CJ akan ingat tentang Aqil.

“Senanglah engkau cakap, CJ. Hati aku yang hancur bukan engkau yang rasa,” balas aku seloroh.

Aku bertemu dengan Aqil di sebuah kursus sastera semasa kuliah kami membincangkan ‘Shakespeare’. Macam *cliche* pula. Aqil ialah seorang lelaki yang bersopan santun dan beradab. Perkara itu yang membuatkan aku tertarik kepadanya. Kami mula berbual tentang buku kegemaran kami dan selepas setahun kami berkenalan, kami bercadang untuk bertunang. Aqil mempunyai ciri-ciri yang sangat menakjubkan dan dia disukai oleh ramai rakan-rakannya. Aku begitu teruja kami akhirnya ingin melanjutkan hubungan kami ke jinjang pelaminan.

Namun, kusangka nanas atas permataang, rupanya durian tajam berduri, kusangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Kebahagiaan kami tidak berkekalan. Kebahagiaanku hancur begitu sahaja ibarat kaca yang dihempas ke lantai dek malang yang datang tanpa berbau.

Tiga minggu selepas kami bertunang, Aqil ditimpa kemalangan sewaktu hendak menolong seorang budak yang cedera di tengah jalan. Aqil dilanggar sebuah lori dan dia disahkan meninggal dunia di tempat kejadian. Pada ketika itu, aku tidak pernah rasa begitu sedih. Aku bukan saja kehilangan tunangku tapi aku kehilangan kawan baikku, sahabatku yang selalu di sisiku dalam apa jua keadaan. Aku berasa sungguh sedih dan keseorangan.

Kebahagiaanku rupanya ada naik dan turunnya, tidak kekal sepanjang masa. Aku begitu bahagia dengan Aqil. Dialah senyumku, tawaku, tangisan riaku dan penyejuk hatiku. Namun, apakan daya, Yang Esa lebih mengasihinya.

Selama dua bulan aku dibaluti duka yang mendalam. Aku tidak bermaya untuk membuat apa-apa pun. Aku tidak bercakap dengan kawan-kawanku termasuk CJ. Aku mengasingkan diri daripada ramai kawan-kawanku. Setelah sekian lama, barulah aku menguatkan semangat untuk kembali bekerja.

Di tempat kerja, aku menyibukkan diri dengan pelbagai tugas. Hari berganti hari. Minggu berganti bulan. Bulan berganti tahun. Aku menemui kebahagiaan.

Memang betul kata orang, kita tidak akan selamanya bahagia dan tidak selamanya dirundung duka. Bahagia dan duka bukan selamanya. Kehidupan kita ada senangnya dan ada susahnya. Bak kata pepatah, air pun ada pasang surutnya.

Selepas tiga tahun, aku kini bertunang dengan rakan sekerjaku. Bahagia yang kutemui dalam diri insan bergelar Zaki.

- Tamat -

Rengsa

Muhd Nur Hadi

Sekolah Menengah Tanjong Katong

Juara bagi Pertandingan Penulisan Cerpen Kategori 'B', Bisikan Pena 2022

"Awak yakin, awak boleh melihat peristiwa itu kembali?" soal Dr Zamri.

Natasha hanya mengangguk perlahan, masih kurang pasti. Sedari tadi, dia tidak memalingkan wajahnya ke arah Dr Zamri, doktor psikiatri yang merawat Natasha. Sejenak kemudian, kesunyian dalam ruang itu mula menjadi bingit.

"Baiklah, saya nak tengok apa yang awak akan buat," sambung Dr Zamri.

Natasha menarik nafas panjang. Sambil dadanya terangkat sedikit, tangan kanannya perlahan-lahan diangkat. Tangannya itu tidak henti-henti bergetar. Pada masa yang sama, wajah Natasha juga terangkat untuk melihat di mana tangannya itu akan diletakkan. Nadira, adik kembarnya, sedang duduk di hadapannya. Kedua-dua belah kakinya bertemu rapat dan tangannya diletakkan pada ribanya. Wajah Nadira yang mirip Natasha tidak menampakkan sebarang perasaan pada kala tangan Natasha sedang menghampirinya. Sedenik kemudian tapak tangan kanan Natasha mendarat di atas kepala Nadira. Pada saat itu, Natasha merasakan seolah-olah terdapat suatu tenaga yang mengalir ke dalam jasadnya. Dengan serta-merta, kepala Natasha mendongak langsung ke belakang. Badannya juga kelihatan seperti diragut dari belakang. Bahunya terangkat namun tangan kanannya tidak terlepas dari kepala Nadira. Namun beberapa detik kemudian, Natasha terlepas dari ragutan itu. Dia kembali seperti biasa. Namun, dia mula tercungap-cungap. Setiap tarikan nafasnya itu diikuti dengan rengekan yang semakin lama semakin kuat.

Dr Zamri bingung. Sejak pagi tadi, dia berasa hairan mendengar kata-kata Natasha. Kata Natasha, dia boleh melihat semula peristiwa sewaktu rumahnya dirompak. Dia juga berkata yang dia boleh melihat gerangan yang telah membuat onar dalam rumahnya pada waktu itu. Dr Zamri terkedu mendengar curahan hati Natasha tetapi tidak sukar baginya untuk mempercayainya. Dia beredar dari situ untuk memberi ruang kepada Natasha. Dia bersimpati tetapi tidak memahami sepenuhnya ranjau onak yang telah Natasha lalui.

Natasha termenung buat seketika setelah Dr Zamri lesap dari pandangannya. Dia berasa tidak berdaya. Dia hanya berpegangan tangan dengan Nadira dengan erat.

"Kakak jangan stres sangat. Nanti jadi gila," seloroh Nadira. Natasha tersenyum. Dia mencubit lemah lengan adiknya itu.

Setelah mindanya menjadi lapang sedikit, dia berhasrat untuk mencuba lagi; menerawang minda Nadira. Dengan hati yang masih tidak pasti, Natasha berkeras menyentuh sepertiga kepala Nadira. Maka, bermulalah pembacaan memori. Natasha merasakan seperti dia akan lebih jauh tiba di destinasi. Tiba-tiba, pandangannya menjadi kelam. Jantungnya semakin rancak berpalpitasi. Natasha hilang kawalan tetapi anggota badannya kaku. Dia masih dapat melihat Nadira dalam kegelapan itu. Nadira juga membeku. Tidak ada satu pergerakan daripadanya. Natasha memegang erat tangan Nadira. Tidak lama kemudian, Natasha dikendera ke suatu tempat yang tidak asing baginya. Akan tetapi, dia tidak dapat menafsirkan di mana dia berada. Mungkinkah itu hanya deja vu? Hanya citra yang tidak maujud, rona-rona gelita dan ruang-waktu yang samar-samar yang dialaminya. Seolah-olah dia bermimpi.

“Bagaimana Zam, ada apa-apa perkembangan?” soal Inspektor Azri.

“Dia masih tak stabil lagi. Cuma tadi, dia kata dia boleh nampak siapa yang ada di rumahnya pada hari itu,” ujar Zamri.

“Dia telah hilang ingatan. Tetapi mungkin ada perkara yang trigger dia untuk ingat semula,” sambung Zamri.

“Amnesia?”

“Dissociative amnesia, mungkin”

Inspektor Azri terkedu. Dahinya berkerut mendengar kata-kata Zamri. Pada masa yang sama, tangan kirinya ligat menulis segala keterangan yang diberikan oleh Zamri yang merupakan teman rapatnya. Dia sedang menyiasat satu kes rompakan bersenjata yang berlaku enam bulan yang lalu. Pesalah masih belum dikenalpasti. Segala perincian masih kabur. Namun tatkala mendengar apa yang disebutkan Zamri, sinar harapan mengerlip di matanya.

“Mari aku bawa kau jumpa dia,” jemput Zamri.

Inspektor Azri membuntuti Zamri ke tempat Natasha berada. Dalam perjalanan, dia memikirkan beberapa soalan yang akan ditanya kepada Natasha sebentar lagi. Dia berharap dapat meraih beberapa petunjuk agar kes tersebut selangkah lebih dekat menuju penyelesaian.

Inspektor Azri berasa hairan melihat kelakuan Natasha. Dia belum dapat mencari makna apa yang sedang dia laksanakan. Barangkali itulah seperti yang dikatakan oleh Zamri. Natasha sedang mengaut semula memorinya. Namun demikian, dalam beberapa detik, perbuatan Natasha itu terhenti. Dengan serta-merta, Natasha rebah ke lantai. Zamri dan Inspektor Azri cepat-cepat mendekatinya dan mengangkatnya. Mereka membaringkan Natasha di atas katilnya.

“Entahlah Azri, aku sendiri tak pasti betul atau tidak apa yang dia cakap,” kata Zamri.

“Tak apalah, kalau ada apa-apa lagi perkembangan, telefon aku,” balas Inspektor Azri.

Zamri mengangguk-angguk lalu bersalaman dengan Inspektor Azri. Inspektor Azri beredar dari situ. Zamri masih khuatir memikirkan keadaan Natasha.

Awan pada kala itu tidak ceria. Kilat sabung-menyalung di bumi kerdil. Hujan turun dengan selebat-lebatnya. Natasha hanya melemparkan menungannya ke luar jendela. Dia keseorangan dalam biliknya sedang menikmati pemandangan indah. Tiba-tiba terdengar jeritan yang nyaring. Bahunya terangkat sedikit tatkala terdengar jeritan tersebut. Natasha yakin itu jeritan adiknya Nadira. Dengan hati yang penuh khuatir, Natasha pun menuju ke bilik Nadira.

Sesampainya dia di muka pintu, kelihatan seseorang yang berpakaian serba hitam yang membela kanginya dalam bilik Nadira. Dia memakai topeng justeru tidak menampakkan walau sehelai rambutnya. Dia sedang menikam perut adiknya. Natasha cuba menyerangnya. Natasha memberikan satu tendangan ke arah dada penceroboh itu. Natasha menarik topeng penceroboh itu.

“Cik Haslam!” Natasha terkejut. Pada saat itu, Natasha terasa seperti diseksa dek suatu pengkhianatan. Dia masih tidak mempercayai apa yang dilihatnya itu. Pakciknya sanggup menganiayai saudaranya sendiri.

Dengan sepantas kilat, Haslam memecut keluar dari rumah itu. Natasha menangis melihat keadaan adiknya yang mengerang kesakitan. Tiba-tiba kepalanya menjadi ringan. Natasha terus pitam.

Natasha bangkit dari mimpinya. Dia melihat Zamri. Namun dia berasa lain macam. Seolah-olah terdapat suatu hubungan antara mereka. Nadira berada di hujung katilnya sedang mengurut-urut kakinya. Wajahnya mencerminkan kecemasan.

“Abang...” ucap Natasha dengan nada mendayu.

“Natasha...”

Rahang Natasha menggeletar. Sejenak kemudian, kemarahan tiba-tiba meruap di dadanya. Matanya mengecil. Dahinya memperlihatkan garis-garis kerut. Nafas yang ditarik dan dihembus masih berat. Dadanya mula berombak-ombak. Natasha sudah mengingati semula peristiwa itu dengan penuh jelas. Wajah Haslam berlegar-legar dalam kepala otaknya. Namun pada waktu itu dia berasa berang terhadap abangnya.

“Ini semua salah abang. Kalau abang ada di rumah hari itu, saya dan Nadira tak akan...” Natasha mengherdik Zamri. Walau bagaimanapun, tutur katanya terhenti. Pada tika itu, kesedaran mula menjengah fikirannya.

Natasha menoleh ke kiri kanannya. Dia tidak melihat orang yang sedang carinya. Di dalam bilik itu hanya ada dia dan Zamri. Natasha tidak melihat kelibat Nadira. Dia hanya mahukan kepastian.

“Nadira dah meninggal enam bulan yang lalu,” kata Zamri dengan penuh melankoli.

Natasha dengan serta-merta dihambat pilu. Dia terduduk. Hatinya meraung dan melalak namun dia masih terdiam. Otaknya ibarat sudah semakin sempit untuk menafsirkan perasaannya itu. Natasha termenung sahaja. Dia sudah mula ingat kembali. Fragmen-fragmen tragedi itu memenuhi mindanya. Peristiwa itu penuh berdarah. Gambaran pada kala itu lama-kelamaan semakin berwarna-warni dalam fikiran Natasha. Matanya pula berkaca. Detik demi detik, air mata mula memenuhi perigi matanya lalu mengalir keluar dengan deras.

“Haslam yang bunuh dia,” ucap Natasha sambil teresak-esak.

“Tasha nak pergi cari dia,” sambungnya lalu terus bangkit dari kedudukannya. Natasha cuba keluar dari bilik itu tetapi dihalang oleh Zamri.

Natasha cuba menolak Zamri. Namun Zamri lebih kuat menahannya. Dia cuba mengatakan sesuatu tetapi gagal kerana teriakan Natasha bermaharajalela. Pada kala itu, tiba seorang doktor ke dalam bilik itu.

“Natasha, bawa bertenang,” ucap Dr. Rahimah.

“Dr Zamri, dia nak ke mana?” soal Dr Rahimah yang sedang membantunya menenangkan Natasha.

Zamri tidak berdaya untuk menjawab. Natasha juga menjadi semakin lemah jasmani dan rohaninya. Dia terus melalak sambil meletakkan kepalanya ke dada abangnya. Zamri memeluk erat satu-satunya adiknya itu yang masih tinggal. Tangannya menepuk-nepuk belakang Natasha. Dr Rahimah yang melihat keriuhan itu semakin reda terus keluar dari bilik pesakit itu.

“Tasha nak cari Haslam,” ucap Natasha.

“Tasha masih tak stabil lagi untuk keluar. Kalau iya pun biarlah pihak polis yang selesaikan,” tegah Zamri.

“Dia mesti bayar untuk apa yang dia lakukan. Sekarang abang dah tahu bukan, siapa yang bunuh Nadira. Bukankah selama ini abang sibuk dengan Inspektor Azri mahu cari si celaka itu?”

Selama enam bulan itu, Natasha dihempap ketidakpastian. Dia tersesat dalam dirinya sendiri. Namun kini dia telah melihat cahaya harapan yang kembali menyinar. Lantas, dia terburu-buru mahu menegakkan keadilan.

Kesunyian mula membingitkan bilik itu. Zamri seolah-olah sudah lelah melayani adiknya. Namun fikirnya, Natasha lambat-laun akan mengetahui hal yang sebenar.

“Tapi Haslam dah mati,” ujar Zamri diikuti tarikan nafas berat.

Hati Natasha menjadi gelisah tatkala kata-kata abangnya itu mehingga gegendang telinganya. Dia seakan-akan tidak percaya akan tutur kata abangnya. Fikirannya dipanahi seribu satu tanda tanya. Dahinya berkerut seribu. Dia dibelenggu perasaan terkejut tetapi agak berlapang dada.

“Bila?” soal Natasha.

“Abang tak pasti.”

“Macam mana dia boleh mati?”

Ruang itu lengang kembali. Hanya hembusan pendingin hawa kedengaran. Jikalau sehelai rambut jatuh ke lantai pasti didengari.

“Bukankah sepatutnya Tasha lebih tahu?” Zamri mempertikai.

Natasha menjadi keliru.

“Apa maksud abang?”

Natasha meluru keluar dari bangunan IMH itu. Perjalanannya itu didorong segenggam dendam. Akalnya telah dirasuk. Dia mahu melaksanakan pembalasan pada kala malam sudah tua.

Natasha mengetuk pintu rumah Haslam bertalu-talu. Tangan sebelahnya pula sedang erat menggenggam hulu sebilah pisau. Dia hanya menunggu sehingga Haslam membuka pintu. Pada jam satu pagi itu, mungkin Haslam sedang lena diulit mimpi. Mungkin juga masih menggeliat tatkala terjaga tidurnya.

Dua minit kemudian, pintu kayu itu terkuak. Hanya terdapat pagar besi yang membatasi Natasha dan pakciknya itu. Tanpa berlengah lagi, Natasha terus menghayunkan pisau itu ke arah kepala Haslam. Pisau itu berjaya melayang melalui ruang antara besi-besi pagar lalu menembusi kepala Haslam. Maka, hayatnya tamatlah pada hari itu. Jasadnya bermandikan darah.

Natasha menjadi seriau melihat lumuran darah. Tiba-tiba dia menjadi mual. Kepalanya menjadi semakin ringan tanpa beban. Natasha mencungap-cungap. Akhirnya dia rebah di tengah-tengah koridor aras flat itu.

Zamri menghidupkan televisyen dalam bilik itu. Dia mahu menunjukkan Natasha rakaman liputan berita mengenai kesnya.

"Seorang lelaki berumur 48 tahun maut selepas sebilah pisau ditusuk ke kepalanya dalam kejadian di Estet Perumahan Fajar pada tengah malam Rabu. Menurut Naib Superintenden DSP Abdul Rahman Awang, kejadian berlaku apabila mangsa didatangi anak saudara perempuannya pada waktu itu yang merupakan pesakit di Institusi Kesihatan Mental (IMH). Suspek berusia 20-an dipercayai mengalami skizofrenia dan dissociative amnesia dan telah mlarikan diri dari institusi tersebut. DSP Rahman juga mengatakan siasatan lanjut menunjukkan bahawa suspek ingin membala dendam terhadap bapa saudaranya kerana telah membunuh adiknya pada enam bulan yang lalu. Suspek kini sedang ditahan di IMH. Pihak polis akan terus menyiasat kes ini apabila suspek sudah kembali stabil untuk disoal jawab."

- Tamat -

Takkan Melayu Hilang Di Dunia?

Sampai sudah kita ke penghujung Risalah 2022! Tapi jangan bersedih, kami ada satu lagi segmen untuk anda semua! Kami ingin menjemput anda untuk menyertai "**Kuiz Risalah: Takkan Melayu Hilang di Dunia**" yang akan menguji anda tentang isi artikel-artikel dalam majalah ini dan juga informasi yang terdapat dalam siri "**Rabudaya**", yang merupakan inisiatif dalam talian di instagram kami. Haaa... buat sesiapa yang belum lagi menonton siri ini, tunggu apa lagi, ayuh ke **@pbmuks** di IG sekarang!

5 pemenang yang terpilih akan memenangi baucar "**Grab**" yang **bernilai \$20 setiap seorang**. Jadi, tunggu apa lagi? Sertailah kuiz ini sekarang!

*Tarikh penutup kuiz ialah pada 27 Julai, 2359



Lelaman IG @pbmuks



Kuiz Risalah

Ikuti lelaman media sosial PBMUKS!



🌐 www.pbmiks.org

⌚ [@pbmuks](#)

FACEBOOK [@pbmuks](#)

LINKEDIN [PBMUKS](#)

Sebuah terbitan PBMUKS

